

Manual Pengguna MDL



ISI KANDUNGAN

Mukasurat:

- 01**  **Pengenalan**
- 02**  **Panduan Mengeksport yang Berjaya**
- 03**  **Komputer dan Peranti Mudah Alih**
- 04**  **Laman Web MDL**
- 05**  **Perjalanan Kursus MDL**
- 09**  **Pendaftaran Akaun**
- 10**  **Log Masuk**
- 11**  **Lupa Kata Laluan**
- 12**  **Daftar Topik**
- 13**  **Pensijilan**

PENGENALAN

Matrade Digital Learning (MDL) merupakan program latihan pengeksporth dalam talian.

Platform ini bertujuan untuk memberi pendedahan awal kepada syarikat-syarikat Malaysia yang berminat untuk menembusi pasaran antarabangsa.

Panduan Mengeksporth yang Berjaya ialah salah satu inisiatif pendigitalan untuk menyediakan pengetahuan dan kemahiran berkaitan eksport secara holistik dan pantas kepada syarikat Malaysia termasuk Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana.

Terdapat 13 modul praktikal bermula daripada panduan asas untuk mengeksporth, kepada memenuhi keperluan pasaran dan meneroka pasaran asing yang disasarkan hingga berjaya.



PANDUAN MENGEKSPORT YANG BERJAYA



Kursus Panduan Mengeksport yang Berjaya mengandungi 13 modul. Modul 1-12 adalah wajib diikuti, manakala modul 13 adalah pilihan.

01 MODUL 1-12


MODUL 1-11:

Modul 1-11 mengandungi Video, Nota, Aktiviti dan Kuiz.

Untuk melengkapkan kursus ini, anda perlu mendaftar Modul 1-11 mengikut urutan. Untuk setiap modul, anda perlu melihat kandungan (Video, Nota, Aktiviti) dan lulus Kuiz. Markah lulus ialah 7/10. Anda dibenarkan mencuba semula Kuiz sehingga anda lulus. Jika anda gagal, anda tidak dibenarkan mengambil Kuiz bagi topik seterusnya. Anda akan menerima sijil kehadiran untuk setiap modul selepas lulus Kuiz. Secara keseluruhan, anda akan dianugerahkan 11 Sijil Kehadiran daripada modul 1-11.

MODUL 12:

Modul 12 mengandungi 4 video Bicara Eksport dan satu Borang Maklum Balas. Anda perlu menonton kesemua 4 video Bicara Eksport dan melengkapkan borang maklum balas. Sijil tamat akan diberikan setelah borang maklum balas dihantar.



02 MODUL 13

Modul 13 merupakan modul bebas yang mengandungi 2 topik oleh Google dan Malaysia Productivity Corporation.

Google

Topik 1: *How to take your business global with Google.*

Topik ini mengandungi 6 subjek dan 6 kuiz. Untuk menerima Sijil Tamat Google, anda perlu lulus kesemua kuiz. Markah lulus ialah 8/10.

Malaysia Productivity Corporation



Topik 2: *Behavioural Insights (Malaysia Productivity Corporation)*

Topik ini mengandungi 1 video dan pautan ke MPC MY Latihan Maya.




Komputer & Peranti Mudah Alih

MDL boleh dilayari melalui Google Chrome, Safari, Mozilla Firefox, Microsoft Edge, Internet Explorer dan lain-lain pelayar web.



MDL boleh dilayari melalui peranti mudah alih yang menggunakan platform Android atau iOS.



Laman Web MDL




Buka Pelayar Web

- Taip <https://mdl.matrade.gov.my> pada pelayar.
- Tekan *enter*.
- Halaman utama akan dipaparkan.




Perjalanan Kursus MDL




01 PAPAN PEMUKA

Selepas anda berjaya log masuk, papan pemuka akan dipaparkan



02 PILIH BAHASA


Pilih BAHASA samada Bahasa Melayu atau Bahasa Inggeris



Perjalanan Kursus MDL (Samb.)


03 SEMUA KURSUS

Klik "SEMUA KURSUS"




04 Pilih MODUL

Ikut urutan dari Modul 1-12 (wajib) dan Modul 13 (pilihan). Mulakan dengan Modul 1.



05 Pilih TOPIK


Ikut urutan topik dalam modul.
Mulakan dengan Topik 1.



Perjalanan Kursus MDL (Samb.)

06 Daftar Topik

Klik butang "Daftarkan saya" untuk mendaftar ke setiap topik.




07 Modul 1-11

Terdapat EMPAT tugas yang perlu anda lakukan dalam setiap Topik.


1) Tonton video, 2) Baca nota 3) Lengkapkan aktiviti dan 4) Jawab kuiz.

Lakukan kesemua tugas mengikut urutan di setiap topik bagi Modul 1-11.



08 Modul 12: Tonton Video


Tonton kesemua EMPAT video Bicara Ekspert



Perjalanan Kursus MDL (Samb.)

09 Isi Borang Maklum Balas

1) Klik Borang Maklum Balas MDL. 2) Klik Jawab soalan.
Isi borang dan hantar borang maklum balas.




10 Sijil Tamat

Setelah menghantar Borang Maklum Balas, anda akan dianugerahkan dengan Sijil Tamat. Sijil akan dihantar secara automatik ke e-mel anda. Tahniah kerana telah menamatkan kursus ini dengan jayanya!





11 Modul 13: Modul Bebas (Pilihan)

Daftar kesemua TOPIK dalam modul ini. Papar pelajaran dan jawab kuiz.





Pendaftaran Akaun



1. Klik "Log In/Register"

2. Klik "Create New Account"




3. Masukkan semua maklumat yang diperlukan

4. Klik "Create My New Account"

5. Mesej pengesahan akan dipaparkan

6. Klik butang "Continue"




7. Semak e-mel.

8. Ikuti arahan dalam e-mel untuk melengkapkan proses pendaftaran.

Log Masuk




Klik “Log In /Register”




Taip:
1. Nama pengguna atau e-mel
2. Kata laluan

Klik “Log In”




Selepas pengguna berjaya log masuk, halaman utama akan dipaparkan (papan pemuka)



Lupa Kata Laluan


1



Login/Register

Klik "Log In/Register"


2



Forgot Password?

Klik "Forgot Password"

3



1. Cari mengikut nama pengguna

- Taip nama pengguna
- Klik butang "Search"

Atau

2. Cari mengikut alamat e-mel


- Taip alamat e-mel
- Klik butang "Search"

*Pastikan anda memasukkan nama pengguna atau e-mel yang betul

1. Mesej pengesahan akan dipaparkan

2. Klik butang "Continue"

4



Continue

If you supplied a correct username or unique email address then an email should have been sent to you. It contains easy instructions to confirm and complete this password change. If you continue to have difficulty, please contact the site administrator.

Continue

5




1. Semak e-mel
2. Ikuti arahan dalam e-mel untuk melengkapkan proses penetapan semula kata laluan


Daftar Topik

SEMUA KURSUS


1. Klik "SEMUA KURSUS"




2. Klik "MODUL 1: KESEDIAAN EKSPORT"



3. Klik "MODUL 1, TOPIK 1: MEMAHAMI PROSES PENETAPAN SEMULA MINDA"



4. Halaman "Pilihan pendaftaran" akan dipaparkan




5. Di bawah "Pendaftaran sendiri (Pelajar)", klik butang "Daftarkan saya".

6. Mesej pengesahan "Anda telah didaftar dalam kursus ini" akan dipaparkan.

7. Selesaikan semua tugas dalam topik.

8. Ulangi langkah Daftar Topik apabila mara ke topik seterusnya.



Anda telah didaftar di dalam kursus ini

Pensijilan




Kaedah
01

SIJIL DIHANTAR KE
E-MEL SECARA
AUTOMATIK

Semua sijil akan dihantar secara automatik kepada pengguna setelah kesemua modul berjaya diselesaikan.

Sekiranya anda secara tidak sengaja memadamkan e-mel yang mengandungi sijil, anda boleh memuat turun sijil dari portal MDL seperti yang ditunjukkan dalam Kaedah 2 di bawah.




Kaedah
02


MUAT TURUN DARI
REPOSITORI MDL



Klik "Profil"




Klik "Pelbagai"




Menu lungsur turun akan muncul.
Klik "Sijil Saya"



Senarai sijil akan dipaparkan



Klik ikon muat turun untuk memuat turun sijil.



MATRADE DIGITAL LEARNING

 **E-MEL**

digitallearning@matrade.gov.my

 **TELEFON**

+603 6207 7077

 **LAMAN WEB**

<https://mdl.matrade.gov.my>